



# **Program Pematuhan Antirasuah**

Tarikh penerbitan: Februari 2019

## Kandungan

1 Pendekatan Pirelli untuk membasmi rasuah .....	3
2 Kandungan kawal selia .....	6
3 Program Pematuhan .....	7
3.1 Objektif dan skop penggunaan .....	7
3.2 Prosedur penggunaan dan pelaksanaan .....	7
3.3 Pemberian Maklumat .....	7
3.4 Pelanggaran .....	8
3.5 Pendidikan & Kesedaran .....	8
3.6 Peranan dan Tanggungjawab .....	9
3.7 Hukuman .....	9
4 Bahagian Sensitif .....	10
4.1 Pengantara dan Pemberi Sumber Luar .....	10
4.2 Hubungan dengan Pentadbiran Awam .....	12
4.3 Ganjaran dan perbelanjaan hiburan .....	12
4.4 Tajaan dan promosi .....	14
4.5 Sumbangan kepada komuniti luaran .....	14
4.6 Sumber Manusia .....	15
4.7 Bayaran Pemudahan .....	15
5 Aliran Maklumat .....	15

## 1 Pendekatan Pirelli untuk membasmi rasuah

Pirelli komited menggalakkan perilaku perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab sejajar dengan undang-undang, peraturan, standard dan garis panduan yang dikenakan terhadap perniagaannya di negara yang Kumpulan ada menjalankan urus niaga.

Pirelli mengiktiraf prinsip Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu<sup>1</sup> dan menyokong Transparency International<sup>2</sup>.

Sejajar dengan Prinsip Perniagaan Transparency International dan prinsip yang digariskan dalam Perjanjian Global, berhubung cara *perniagaan bertindak membanteras rasuah dalam semua bentuk, termasuk pemerasan dan sogokan*, Pirelli mengesahkan komitmen untuk membasmi rasuah melalui pelaksanaan dan pengemaskinian berterusan Program Pematuhan yang diamalkan pada tahun 2013 (juga kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Program"). Program ini telah dibentuk berdasarkan pelbagai aktiviti, termasuk penilaian pendedahan khusus terhadap risiko rasuah. Penilaian tersebut akan dijalankan secara berkala untuk menilai, memantau dan mencegah risiko rasuah selain membangunkan program pendidikan dan kesedaran yang sewajarnya.

---

<sup>1</sup> **Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu** merupakan program tindakan yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Program ini bertujuan melibatkan dunia perniagaan menerusi pelaksanaan Sepuluh Prinsip yang merangkumi aspek berikut: hak asasi manusia, standard buruh, perlindungan alam sekitar dan pembasmian rasuah.

<sup>2</sup> **Transparency International (TI)** merupakan pertubuhan bukan kerajaan nirlaba yang berteraskan misi memerangi rasuah di seluruh dunia. TI mengumpulkan CPI (Indeks Persepsi Rasuah) tahunan, iaitu penunjuk ringkas yang menunjukkan tahap rasuah di negara-negara dunia.

Program Pematuhan, dikemas kini berdasarkan piawaian antarabangsa ISO 37001-“Sistem Pengurusan Antirasuah” yang menyediakan garis panduan untuk mencegah, mengesan dan menangani rasuah, telah diterapkan oleh Pirelli sebelum ini bermula dengan Tataetika dan Tatakelakuan, diikuti program dan model khusus di negara-negara yang Pirelli menjalankan perniagaan (misalnya Program Pematuhan Dekri Perundangan 231 yang dikenakan terhadap syarikat-syarikat milik Kumpulan di Itali.

Program Pematuhan dilaksanakan mengikut komitmen berikut:

***Komitmen untuk mencegah rasuah:***

*Kumpulan Pirelli tidak akan bertolak-ansur dengan rasuah dalam apa jua aspek atau bentuk, atau di mana-mana bidang kuasa, malah di negara yang menerima, bertolak ansur atau tidak mendakwa amalan ini di mahkamah undang-undang. Justeru, Penerima Tatakelakuan ini dilarang menawarkan hadiah percuma atau faedah lain yang boleh dianggap melanggar peraturan atau bercanggah dengan Tatakelakuan atau jika diuar-uarkan kepada umum, mungkin menjejaskan Kumpulan Pirelli atau reputasinya."*

***Nilai dan Tataetika – Prinsip Moral***

*Oleh hal yang demikian, Kumpulan Pirelli komited tidak akan bertolak-ansur dengan perbuatan rasuah dalam sebarang cara, bentuk atau aspek, atau di mana-mana bidang kuasa, meskipun perbuatan tersebut dibenarkan, diterima atau tidak didakwa;*

***Dasar Tanggungjawab Sosial berhubung Kesihatan, Keselamatan dan Hak Pekerja, serta Alam Sekitar***

*Dalam urusan niaga dengan wakil syarikat Itali dan syarikat bukan Itali, Penerima Tatakelakuan dilarang memberikan atau menjanjikan, sama ada secara langsung atau melalui perantara, sebarang wang, barangan atau faedah lain kepada wakil tersebut (atau ahli keluarga mereka, saudara mara, pasangan hidup) di luar hubungan perniagaan dan keinstitusian yang biasa, sekiranya jumlah wang, barangan atau faedah lain itu bertujuan mendapatkan kelebihan tidak wajar, atau untuk memberikan tanggapan tidak jujur atau tidak adil. Dalam apa jua keadaan, dilarang memberikan atau menjanjikan wang, barangan atau faedah lain kepada individu yang disebut di atas dengan tujuan agar mereka melaksanakan atau gagal melaksanakan tindakan yang melanggar tanggungjawab rasmi mereka atau obligasi kesetiaan mereka, sekali gus menyebabkan mudarat kepada majikan mereka.*

***Tatakelakuan berkaitan hal ehwal korporat dan komunikasi kepada pasaran***

Komitmen terhadap pematuhan undang-undang:

*Penerima Tatakelakuan, selaras dengan Tataetika Kumpulan, komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di negara yang Kumpulan ada menjalankan perniagaan. Kumpulan tidak akan memulakan atau meneruskan kerjasama dengan sesiapa yang enggan menghormati prinsip ini.*

### **Tatakelakuan berkaitan hubungan dengan subjek dalaman dan pihak ketiga**

#### **Pemilihan teliti rakan sejawat:**

*Pelantikan subjek yang menjalankan perniagaan menggunakan nama dan/atau bagi pihak dan/atau untuk kepentingan Syarikat hendaklah [...] menyertakan fasal khusus yang mewajibkan pematuhan kepada prinsip etika dan perilaku yang diamalkan oleh Syarikat. Kegagalan mematuhi fasal khusus ini membolehkan Syarikat menamatkan hubungan kontrak tersebut.*

*Semua perunding, pembekal dan secara amnya, mana-mana pihak ketiga yang bertindak menggunakan nama dan/atau bagi pihak dan/atau demi kepentingan Syarikat, dikenal pasti dan dipilih berdasarkan kesaksamaan, autonomi dan pertimbangan bebas. Apabila memilih mereka, Syarikat akan menilai kepakaran, reputasi, ketakbersandaran, kemahiran organisasi dan keupayaan mereka untuk melaksanakan obligasi kontrak dan tugas-tugas yang diserahkan kepada mereka dengan betul dan menepati masa.*

### **Tatakelakuan berkaitan hubungan dengan subjek dalaman dan pihak ketiga**

#### **Pemantauan teliti aktiviti rakan sejawat:**

*Semua perunding dan pihak-pihak yang bekerjasama dengan Syarikat mestilah bertindak dengan penuh integriti dan ketekunan pada setiap masa dan tanpa berkecuali, di samping mematuhi sepenuhnya semua prinsip kesaksamaan dan keadilan yang dinyatakan dalam mana-mana tataetika yang digunakan.*

### **Tatakelakuan berkaitan hubungan dengan pihak ketiga**

#### **Komitmen terhadap pentakrifan data perakaunan:**

*Antara tanggungjawab dan dalam bidang kuasa mereka, ketua jabatan pentadbiran/perakaunan mestilah memastikan setiap urusan niaga hendaklah:*

- sah, adil, dibenarkan, dan dapat ditentusahkan;*
- mencatat dengan betul dan sepenuhnya untuk membolehkan proses membuat keputusan, pemberian kebenaran dan pelaksanaan disahkan;*
- disokong oleh dokumen untuk membolehkan pelaksanaan kawalan ke atas jenis dan sebab urusan niaga selain pengenalpastian mereka yang telah memberikan kebenaran, melaksanakan, mencatat dan menyemak urusan niaga tersebut.*

### **Tatakelakuan berkaitan hal ehwal korporat dan komunikasi kepada pasaran**

Kakitangan Pirelli dan pihak ketiga yang bekerjasama dengan Pirelli mestilah mematuhi prinsip-prinsip ini.

## 2 Kandungan kawal selia

Sejak kebelakangan ini, pelbagai langkah telah dilaksanakan di peringkat nasional dan antarabangsa untuk mencegah rasuah.

Di peringkat global, pihak berkuasa pengawalseliaan mengenakan hukuman yang semakin berat ke atas pelaku perbuatan rasuah berdasarkan konvensyen dan triti antarabangsa. Ini bertujuan mentakrif strategi global untuk mengurangkan perbezaan yang wujud antara sistem perundangan negara-negara ini.

Dalam hal ini, banyak negara yang telah melaksanakan undang-undang yang menghukum bukan sahaja pelaku rasuah dalam kalangan pegawai awam, malah pihak swasta.

Sebagai sebuah kumpulan multinasional yang ditadbir oleh Pirelli & C. S.p.A. dan beroperasi di lebih 160 negara, Pirelli tertakluk kepada undang-undang di banyak negara yang melarangnya daripada:

- **menawarkan atau menjanjikan wakil Itali atau wakil asing daripada Pentadbiran Awam**, sama ada secara langsung atau melalui perantara, sebarang wang, hadiah atau faedah lain untuk memujuk mereka agar mengeneipikan atau melakukan tindakan yang berkaitan dengan tanggungjawab rasmi mereka (rasuah aktif di sektor awam);
- **menawarkan atau menjanjikan pihak ketiga**, sama ada secara langsung atau melalui perantara, sebarang wang, hadiah atau faedah lain untuk memujuk mereka agar mengeneipikan atau melakukan tindakan yang berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka (rasuah aktif di sektor swasta);
- **meminta atau menerima daripada pihak ketiga**, sama ada secara langsung atau melalui perantara, sebarang wang, hadiah atau faedah lain agar mengeneipikan atau melakukan tindakan yang berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan (rasuah pasif di sektor swasta);

Mana-mana pelanggaran peraturan ini akan turut menyebabkan nama baik Pirelli terjejas teruk dan tidak dapat dipulihkan selain dikenakan hukuman khusus, walau apa juga undang-undang dan peraturan negara yang perbuatan rasuah ini telah dilakukan. Dalam sesetengah kes, hukuman ini mungkin mengakibatkan sekatan sepenuhnya ke atas semua aktiviti perdagangan oleh Pirelli di negara tersebut.

## **3 Program Pematuhan**

### **3.1 Objektif dan skop penggunaan**

Komitmen Pirelli untuk mencegah rasuah termaktub dalam program Pematuhan yang berteraskan penolakan sebarang perilaku rasuah, dalam semua bentuk langsung dan tidak langsung, dalam sektor awam dan swasta, di samping mematuhi semua undang-undang termasuk undang-undang antirasuah.

Dokumen ini bertujuan menyediakan rangka kerja penanda aras untuk dasar antirasuah yang dilaksanakan oleh Pirelli.

### **3.2 Prosedur penggunaan dan pelaksanaan**

Setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pirelli & C. S.p.A., Program Pematuhan Antirasuah – diwajibkan ke atas semua kakitangan Pirelli di seluruh dunia, dan pihak-pihak yang bertindak atas nama dan/atau bagi pihak dan/atau demi kepentingan Pirelli, atau yang mempunyai kerjasama perniagaan atau hubungan kontrak lain dengan Pirelli (selepas ini dipanggil "Penerima"). Oleh hal yang demikian, semua pihak ini dikehendaki membaca Program ini di tapak web korporat Pirelli.

Latihan khusus dan program penerangan akan dirancang di peringkat Kumpulan yang menyasarkan kakitangan sedia ada, sementara kakitangan yang baru menyertai Kumpulan mesti menyertai Program Pematuhan.

Penerima wajib mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di negara tempat mereka beroperasi selain mematuhi tatacara dan peraturan korporat. Mereka hendaklah menunjukkan dan mengamalkan prinsip yang diperincikan dalam dokumen ini melalui komitmen dan aktiviti harian. Hanya perilaku beretika mampu menyokong kejayaan Kumpulan dengan berkesan.

Sebarang perubahan Program tertakluk pada kelulusan Lembaga Pengarah Pirelli.

### **3.3 Pemberian Maklumat**

Pirelli menegaskan pematuhan kepada prinsip yang digariskan dalam dokumen ini dengan menggalakkan budaya korporat terbuka yang tidak membenarkan sebarang bentuk tindakan balas terhadap orang yang melaporkan kemungkinan pelanggaran Program Pematuhan atau pelanggaran yang disyaki.

Dalam apa jua keadaan, penerima hendaklah melaporkan sebarang permintaan langsung atau tidak langsung untuk mendapatkan bayaran, hadiah, perjalanan, bantuan peribadi atau manfaat lain untuk individu atau saudara mara individu tersebut atau penerima lain, menurut tatacara penyampaian maklumat Pirelli yang sedia ada, dan khususnya berdasarkan Dasar Penyampain Maklumat Kumpulan yang boleh didapati dengan menulis kepada: [ethics@pirelli.com](mailto:ethics@pirelli.com).

### 3.4 Pelanggaran

Penerima yang mengesyaki atau mengetahui mengenai pelanggaran Program atau apa-apa peraturan Pirelli yang lain, atau pelanggaran undang-undang dan peraturan antirasuah, hendaklah melaporkannya menerusi saluran dan alat yang disediakan serta menurut tatacara yang telah dikeluarkan dan diterbitkan di tapak web korporat (Dasar Penyampaian Maklumat).

Tiada sesiapa boleh dipecat, digantung jawatan atau didiskriminasikan di tempat kerja dalam apa jua cara setelah mereka membuat apa-apa laporan dengan niat baik berhubung pelanggaran peraturan Pirelli.

Pirelli menjamin kerahsiaan nama penyampai maklumat dan berhak untuk mengambil langkah sewajarnya terhadap sesiapa yang mengambil tindakan balas atau mengugut untuk mengambil tindakan balas terhadap orang yang telah membuat laporan penyampai maklumat berhubung Program ini.

Jika seseorang melanggar Program ini, Pirelli akan mengenakan hukuman sebagaimana yang ditetapkan oleh sistem disiplin korporat, menurut perjanjian perundingan kolektif, tatacara, undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di negara yang Pirelli beroperasi.

Tiada pekerja yang akan dikenakan tindakan balas, diskriminasi atau tindakan tatatertib kerana:

- enggan mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang telah dinilai oleh pekerja dengan munasabahnya sebagai aktiviti yang mempunyai risiko rasuah yang nyata;
- menyatakan kecurigaan atau membuat laporan berniat baik, berdasarkan kepercayaan yang munasabah, tentang cubaan rasuah, tindakan rasuah sebenar atau semasa.

### 3.5 Pendidikan & Kesedaran

Penerima mempunyai tanggungjawab untuk meneliti dan mematuhi kandungan dokumen ini serta undang-undang antirasuah yang berkuat kuasa di negara mereka beroperasi, agar mereka mengambil keputusan bertanggungjawab dan mengambil pendekatan yang wajar terhadap sebarang risiko rasuah yang mungkin timbul semasa menjalankan tugas mereka.



- Pirelli mendukung dan menggalakkan program pendidikan dan kesedaran yang menyeluruh: Program Pematuhan (dan pindaan berikutnya) dimaklumkan kepada semua kakitangan dan disediakan di intranet korporat.
- Komunikasi dan aktiviti latihan bertujuan untuk memastikan kakitangan arif dengan undang-undang dan peraturan setempat dan antarabangsa, kandungan dokumen ini dan semua inisiatif lain yang dijalankan untuk menangani isu antirasuah.
- Aktiviti latihan menyasarkan kakitangan yang dipilih berdasarkan peranan mereka di Syarikat dan pendedahan mereka terhadap risiko rasuah.

### **3.6 Peranan dan Tanggungjawab**

Pengurusan Tertinggi Pirelli, disokong oleh Fungsi Pematuhan Kumpulan, memainkan peranan strategik dalam pelaksanaan penuh Dasar ini, memastikan penglibatan semua pekerja dan rakan usaha sama Pirelli serta tingkah laku mereka selaras dengan nilai yang terkandung dalam Dasar ini. Fungsi Pematuhan Kumpulan, bertindak sebagai fungsi pematuhan untuk pencegahan rasuah, memberikan sokongan untuk menggunakan prinsip dan kawal selia Program Pematuhan, sentiasa memantau risiko rasuah dan menyediakan latihan dan nasihat untuk kakitangan Pirelli tentang semua perkara yang berkaitan dengan rasuah.

Jabatan Audit Dalaman Pirelli mengaudit dan memantau pematuhan aktif terhadap prinsip dan peraturan yang digariskan oleh Program Pematuhan semasa audit yang dijalankan secara berkala di kesemua syarikat Kumpulan.

### **3.7 Hukuman**

Pirelli tidak terlibat dengan perilaku yang melanggar prinsip ini dan undang-undang serta peraturan antirasuah semasa di negara yang Kumpulan beroperasi.

Jika Penerima dipertanggungjawabkan atas pelanggaran tersebut, Pirelli akan melaksanakan hukuman yang dikenakan oleh sistem statutori/kontrak yang berkaitan, yang mungkin mengakibatkan pemecatan daripada jawatan.

## 4 Bahagian Sensitif

Penerima mesti mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam Tataetika, Tatakelakuan dan peraturan dalaman, selain mematuhi prinsip berikut yang membolehkan pengurusan secara teratur bidang yang terdedah kepada risiko luar jangka. Langkah-langkah ini mendukung sistem organisasi, pengurusan dan kawalan yang mencegah kemungkinan amalan rasuah.

Walau bagaimanapun, Pirelli mengiktiraf pengalaman dan kelayakan teknikal rakan niaganya yang lain (kakitangan dan semua pihak yang berurusan atas nama dan/atau bagi pihak dan/atau demi kepentingan Pirelli, atau yang menjalin hubungan perniagaan atau hubungan kontrak lain), dan turut meminta mereka mengesahkan bahawa mereka tidak berdepan sebarang siasatan atau pertuduhan mahkamah berhubung amalan rasuah.

Di samping itu, semua aktiviti hendaklah didokumenkan melalui rekod perakaunan yang lengkap, disokong oleh dokumen yang menunjukkan semua transaksi dengan jelas serta terperinci, dan disahkan melalui audit yang teliti.

Pemantauan larangan amalan rasuah merupakan teras dan amat penting dalam perkara sensitif seperti berikut:

### 4.1 Pengantara dan Pemberi Sumber Luar

Untuk menyokong aktivitinya, Pirelli bergantung pada perantara dan pembekal perkhidmatan luar<sup>3</sup> yang mesti memenuhi syarat kejujuran dan kesaksamaan profesional yang diiktiraf oleh Pirelli. Hubungannya dengan perantara dan pembekal perkhidmatan luar adalah berteraskan prinsip berikut:

- Pengurusan hubungan dengan perantara dikawal selia oleh undang-undang dan ditadbir oleh peraturan syarikat yang berkuat kuasa untuk pembelian barang dan perkhidmatan serta untuk nasihat dan perkhidmatan profesional.
- Perantara dan pembekal perkhidmatan luar dipilih berdasarkan proses saringan awal yang dikendalikan oleh orang yang mempunyai penilaian bebas, pengetahuan dan kepakaran, selaras dengan peraturan Pirelli.
- Pirelli menyemak dan mengesahkan pengalaman dan kepakaran teknikal perantara ini, dan meminta mereka mengisytiharkan bahawa mereka tidak berdepan siasatan atau pertuduhan mahkamah berkaitan dengan amalan rasuah.

---

<sup>3</sup> "Perantara dan pembekal perkhidmatan luar" merujuk orang yang mempunyai hubungan dengan atau bekerja dengan dua atau lebih rakan sejawat komersial. Bagi tujuan dokumen ini, mereka dianggap sebagai ejen, wakil, perunding atau firma perundingan, pengedar, penjual semula, pembekal perkhidmatan luar, subkontraktor, subsidiari dan pemberi francais.

- Sesetengah rakan niaga, bergantung pada aktiviti yang dirangkumi oleh kontrak, tentang nilai atau tentang kaitan/ kegentingan bekalan, mungkin tertakluk pada aktiviti Usaha Wajar yang bertujuan untuk menganalisis aspek etika;
- Kontrak akan dibuat secara bertulis, menurut standard Pirelli yang sedia ada dan mengandungi fasal khusus yang direka, antaranya, untuk menguatkuasakan pematuhan oleh rakan sejawat dengan komitmen antirasuah yang dilaksanakan oleh Pirelli.
- Semasa kerjasama ini, perantara dan pembekal perkhidmatan luar dikehendaki mengamalkan perilaku perniagaan yang selaras dengan prinsip etika Pirelli. Pelanggaran prinsip tersebut akan mengakibatkan penamatan kontrak dengan serta merta.
- Pertimbangan yang dibuat terhadap rakan sejawat hendaklah berdasarkan dokumen perakaunan yang sewajarnya untuk membolehkan pengesahan ketekalan perkhidmatan dengan fasal kontrak.
- Hasil proses pemilihan, dokumen perakaunan dan dokumen berkaitan perjanjian kontrak yang dibuat dengan rakan sejawat mestilah difailkan, didaftarkan dan disimpan mengikut peraturan Pirelli.

Dalam konteks hubungan dengan Pengantara dan Pembekal, pengurusan pembayaran adalah sangat penting dan merupakan suatu proses yang harus mengikut peruntukan dalam Peraturan Kumpulan dan khususnya:

- pematuhan penuh kepada piawaian penanda aras antarabangsa dan kebangsaan, termasuk yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram;
- pemantauan teliti tentang apa-apa pembayaran yang, atas sebab ekonomi yang terbukti, perlu dilaksanakan terhadap negara di luar negeri/yang tidak bekerjasama<sup>4</sup>;
- kebenaran yang sesuai untuk pembayaran manual atau pembayaran kertas yang semakin jarang berlaku
- pengemaskinian maklumat perbankan pembekal selepas pengesahan identiti pihak yang membuat permintaan (dipanggil prosedur “panggil balik”) untuk mengesahkan bahawa permintaan itu sah dan mengelakkan bayaran tidak wajar/penipuan.

---

<sup>4</sup> Setiap Syarikat mesti meurjuk senarai hitam yang dapat digunakan di kawasan geografi iaitu tempat Syarikat itu beroperasi dan ditakrifkan oleh institusi antarabangsa atau kerajaan kebangsaan yang kompeten (untuk Kesatuan Eropah, senarai ada di pautan: [https://ec.europa.eu/taxation\\_customs/tax-common-eu-list\\_en](https://ec.europa.eu/taxation_customs/tax-common-eu-list_en) is applicable; untuk Itali, senarai di pautan ini dapat digunakan: <https://www.guidafisco.it/paesi-black-list-elenco-aggiornato-773>).

## 4.2 Hubungan dengan Pentadbiran Awam

Dalam hubungan dengan Pentadbir Awam (Pegawai Awam), Penerima hendaklah mengelakkan daripada semua tindakan atau ketinggalan yang mungkin menggambarkan, meskipun sedikit, percubaan untuk menyogok mereka.

- Penerima mesti menyimpan rekod hubungan ekonomi yang didokumenkan dengan Pegawai Awam (misalnya perbelanjaan hiburan, hadiah, pampasan bagi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Awam, dll.)
- Sebarang permintaan yang dibuat oleh Pegawai Awam secara langsung atau menerusi perantara untuk mendapatkan bayaran, hadiah, perjalanan, bantuan peribadi atau faedah lain untuk dirinya atau keluarganya, saudara mara dan pasangan hidup, atau untuk diberikan kepada penerima lain supaya tindakan diambil atau tidak diambil bagi pihak Pirelli hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Jabatan Pematuhan Kumpulan.
- Sebarang hadiah dan perbelanjaan hiburan (termasuk hospitaliti) yang diberikan untuk tujuan institusi kepada ahli atau orang yang berkaitan dengan Pentadbiran Awam (seperti penyertaan di acara yang ditaja oleh Pirelli dan/atau melibatkan kos yang dibayar oleh Pirelli, misalnya: penyertaan di acara Formula 1, pemberian Kalendar Pirelli, dll.) mestilah, sebagai peraturan, nilai yang lebih rendah daripada nilai yang sederhana dan diluluskan oleh pengurusan atasan selaras dengan peruntukan peraturan syarikat tentang hadiah dan perbelanjaan hiburan. Hanya had nilai sederhana berhubung dengan pegawai kanan Pentadbiran Awam dalam kes yang terbukti adalah luar biasa (seperti acara awam atau lawatan institusi) boleh diketepikan.

Walau bagaimanapun, bagi hadiah dan perbelanjaan hiburan untuk Pegawai Awam, syarikat yang mencadangkan perbelanjaan hiburan dan/atau hadiah mesti memaklumkan sebab perbelanjaan kepada pihak yang memberi kuasa.

## 4.3 Ganjaran dan perbelanjaan hiburan

Pirelli memberikan ganjaran dan menanggung perbelanjaan keraian<sup>5</sup> hanya untuk tujuan institusi, komersial dan pemasaran, selaras dengan peraturan Kumpulan dan sentiasa mematuhi undang-

---

<sup>5</sup> Hadiah dan perbelanjaan hiburan diertikan sebagai apa-apa barangan, perkhidmatan atau faedah yang disediakan kepada pihak ketiga secara percuma (termasuk tayar, produk Pzero, perhotelan dan perjalanan) untuk menyampaikan imej diri yang positif dan aktiviti seseorang dari segi kecekapan dan organisasi.

undang, amalan perdagangan dan – jika diketahui – tataetika firma/entiti yang menjalin hubungan dengan Kumpulan.

- Hadiah dan perbelanjaan hiburan mesti diurus selaras dengan peruntukan peraturan Kumpulan semasa yang mentakrifkan peraturan kelakuan untuk hadiah yang diterima dan bukan hanya untuk hadiah yang diterima untuk isu ini dan khususnya prinsip-prinsip tanda aras berikut:
  - a) Pirelli tidak melangkaui amalan perniagaan syarikat di lokasi operasi jika terdapat manfaat “percuma” tersebut.
  - b) Pirelli tidak membenarkan apa-apa bentuk hadiah yang mungkin bertujuan untuk menggalakkan prestasi atau tidak melakukan aktiviti tertentu yang melibatkan Pirelli.
- Hadiah atau item berharga lain yang bernilai sederhana boleh diberikan kepada Pegawai Awam mengikut peraturan yang ditakrif di peringkat Kumpulan dan seperti yang diperincikan dalam bahagian "Hubungan dengan Pentadbir Awam".
- Tiada penepian dibenarkan dalam kes ganjaran dan perbelanjaan hiburan (dibuat atau diterima) yang tiada kaitan dengan hubungan institusi, komersial, pemasaran dan adat yang biasa dan/atau pengendalian aktiviti perniagaan yang biasa, dan sebaliknya memberikan gambaran yang bertujuan untuk mendapatkan atau memberikan manfaat yang tidak wajar.
- Peraturan Pirelli menjadikan penerimaan hadiah dan tujuannya tertakluk pada proses kebenaran tertentu berdasarkan anggaran nilai hadiah dan jika terdapat kes hadiah yang melebihi nilai sederhana, laporan perlu dibuat kepada Fungsi Kawalan.
- Kakitangan Pirelli tidak dibenarkan menerima ganjaran, hadiah atau apa-apa manfaat pun yang mempunyai nilai melebihi nilai sederhana<sup>5</sup> daripada orang yang mempunyai sebarang kaitan dengan aktiviti korporat(pembekal perkhidmatan luar, rakan kongsi, pelanggan, dll.), malah sebaliknya berupaya memberikan gambaran bahawa pemberian tersebut bertujuan meraih atau memberikan manfaat yang tidak wajar.
- Kakitangan yang menerima manfaat atau ganjaran di luar keadaan yang dibenarkan hendaklah memaklumi penyelia terdekat mereka dan Pejabat Pematuhan, yang akan menilai kesaksamaan berdasarkan tatacara korporat.
- Dokumen perakaunan dan kebenaran yang berkaitan dengan ganjaran dan perbelanjaan keraian mestilah difailkan, direkodkan dan disimpan selaras dengan peraturan Pirelli.

#### 4.4 Tajaan dan promosi

Pirelli terlibat dalam penajaan dan aktiviti promosi<sup>6</sup> untuk memperkukuh nama dan martabat jenama Pirelli. Penerima memberikan jaminan bahawa tujuan yang disasarkan adalah seperti yang dinyatakan. Penajaan dan aktiviti promosi hendaklah dijalankan selaras dengan peruntukan peraturan Pirelli yang berkuat kuasa tentang isu ini dan mestilah mematuhi standard rujukan berikut:

- Pirelli mengenal pasti rakan sejawat yang Kumpulan boleh menawarkan penajaan dan aktiviti promosi, selain memastikan bahawa mereka memenuhi syarat kejujuran dan kesaksamaan profesional. Kontrak akan dibuat secara bertulis dan mengandungi fasal yang menguatkuasakan pematuhan terhadap komitmen antirasuah yang dipatuhi oleh Pirelli, terhadap rakan sejawat tersebut.
- Inisiatif penajaan tertakluk pada proses kebenaran tertentu, dibezakan mengikut nilai inisiatif serta menilai objektif dan kesan yang dijangka.
- Aktiviti analisis dan pilihan benefisiari serta dokumen perakaunan dan dokumen berhubung perjanjian yang dibuat dengan rakan sejawat hendaklah difailkan, direkodkan dan disimpan menurut peraturan Pirelli.

#### 4.5 Sumbangan kepada komuniti luaran

Pirelli memberikan sokongan kepada banyak aktiviti yang menyumbang kepada komuniti luaran<sup>7</sup> yang memihak kepada orang perseorangan dan entiti perundangan, institusi swasta dan awam serta persatuan untuk menyokong projek atau prakarsa untuk mencapai objektif institusi penerima tersebut.

Derma, sumbangan dan bayaran kepada komuniti luar mestilah diurus sejajar dengan Peraturan Pirelli yang berkuat kuasa dan khususnya mengambil kira standard rujukan berikut:

- Penerima Sumbangan dan Derma dikenal pasti oleh pihak-pihak yang mempunyai penilaian bebas, kepakaran dan kuasa yang diperuntukkan, selaras dengan Tatacara Pirelli. Sumbangan kepada komuniti luaran tertakluk pada proses kebenaran tertentu yang dibezakan mengikut nilai inisiatif;
- Analisis dan pemilihan penerima, dokumen perakaunan dan dokumen berhubung perjanjian yang dibuat dengan rakan sejawat hendaklah difailkan, direkodkan dan disimpan menurut peraturan Pirelli.

---

<sup>6</sup> Penajaan dan aktiviti promosi ditakrif, seperti mana-mana acara atau aktiviti yang dianjurkan untuk membuka peluang promosi perniagaan dan jenama Pirelli.

<sup>7</sup> "Sumbangan" bermaksud apa-apa bentuk sumbangan (sama ada dalam tunai, bukan dalam bentuk wang atau pemberian ruang/perkhidmatan) kepada orang sebenar atau entiti sah, institusi, persatuan yang mempunyai pengalaman, reputasi dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta beroperasi dalam sektor pendidikan dan akademik, budaya, sukan, keselamatan jalan raya, perpaduan sosial, hak asasi manusia, alam sekitar dan pendidikan alam sekitar.

#### 4.6 Sumber Manusia

Proses perekrutan dan pemilihan Sumber Manusia Pirelli<sup>8</sup> mematuhi, antaranya, prinsip tanpa diskriminasi, kesaksamaan mutlak, autonomi dan pertimbangan bebas, yang bertujuan menjamin bahawa hasil keputusan akhir dalam pemilihan individu yang paling layak memegang jawatan tersebut di samping tawaran yang berdaya saing dibandingkan dengan pasaran rujukan serta menjamin akses yang sama rata kepada peluang pekerjaan.

Proses pengambilan pekerja mesti diurus selaras dengan prosedur Pirelli yang berkuat kuasa oleh orang yang memenuhi kelayakan profesional dan berkecuali untuk menjalankan tugas ini.

Menurut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa, calon mestilah mengisytiharkan:

- apa-apa hubungan mereka dengan Pegawai Awam;

apa-apa peranan yang dipegang dalam Pentadbiran Awam pada dua tahun lepas (dalam kes ini, permohonan hendaklah dimaklumkan kepada fungsi Pematuhan Kumpulan dengan segera untuk pemeriksaan yang sesuai).

#### 4.7 Bayaran Pemudahan

Pirelli menekankan perilaku perniagaan yang boleh diteladani di seluruh dunia. Oleh itu, Kumpulan tidak membenarkan bayaran, tawaran atau penerimaan bayaran pemudah secara langsung atau tidak langsung<sup>9</sup>, iaitu bayaran dan manfaat dalam apa-apa bentuk dan jenis yang bertujuan mempercepat pelaksanaan perkhidmatan mandatori oleh pihak-pihak di luar Pirelli.

Jika bayaran pemudahan diminta, dijanjikan atau ditawarkan, penyelia terdekat dan Fungsi Pematuhan Kumpulan hendaklah dimaklumkan dengan segera.

## 5 Aliran Maklumat

Agar Program Pematuhan Antirasuah lebih berkesan dalam usaha Kumpulan untuk mencegah dan membanteras rasuah, rangka kerja rujukan mestilah mengandungi aliran maklumat yang khusus

---

<sup>8</sup> Ini ditakrif sebagai sehimpunan aktiviti dan fasa yang menjurus kepada pengambilan pekerja baharu (termasuk pekerja sementara, pelatih dan Pengarah).

<sup>9</sup> Bayaran pemudah ditakrif sebagai bayaran yang dibuat kepada Pegawai Awam untuk mempermudah atau mempercepat "aktiviti kerajaan yang lazim" yang sememangnya perlu dilaksanakan bagi pihak Syarikat seperti: pengeluaran permit, lesen atau dokumen rasmi lain, penyediaan dokumen kerajaan seperti visa atau arahan kerja yang lain, peruntukan perkhidmatan telekomunikasi, tenaga dan air, pemuatan/pemunggahan barang, atau perlindungan barang rapuh/berbahaya, pelan pemeriksaan berhubung pelaksanaan perjanjian transit barangan dalam negara.

untuk pengecaman dan pengenalpastian situasi yang paling penting di negara-negara yang Pirelli beroperasi, khususnya:

- **PERUBAHAN STATUTORI:** pindaan dan perubahan terkini kepada undang-undang dan peraturan antirasuah di negara tersebut, dengan menekankan perubahan prinsip dan melampirkan dokumen yang berguna untuk menjalankan analisis yang lengkap;
- **PENDIDIKAN & KESEDARAN:** pematuhan kepada pelan latihan dan komunikasi, seperti yang diatur, dengan unit organisasi ditugaskan untuk menyebarkan dan menyediakan maklumat terperinci tentang undang-undang dan peraturan antirasuah yang dikuatkuasakan, kandungan dokumen ini, dan langkah lain yang diambil untuk melaksanakan tindakan pencegahan terhadap rasuah;
- **PENYAMPAIAN MAKLUMAT:** laporan atau pengalaman bermanfaat lain yang berkaitan dengan aktiviti antirasuah dalam Hal Sensitif atau hal lain;
- **AUDIT:** hasil audit dan/atau aktiviti lain yang bertujuan mencegah dan mengesan risiko rasuah.